

# Warees, JTB kerjasama bantu firma manfaat pasaran halal Jepun

Mereka juga kerjasama galak dan sediakan khidmat pensijilan halal



**KERJASAMA HALAL:** Encik Sallim Abdul Kadir (dua dari kiri) serta Encik Toru Ikuta selepas menandatangani perjanjian antara WHL dengan JTB, dengan disaksikan Cik Dewi Hartaty (kiri) dan Encik Naoyoshi Tashiro (kanan) pada 29 November lalu. - Foto WAREES HALAL

▶ **ERVINA MOHD JAMIL**  
ervinamj@sph.com.sg

PELANCONG Muslim ke Jepun boleh menjangkakan lebih banyak pilihan makanan dan pelancongan tidak lama lagi.

Ini hasil satu perjanjian yang ditandatangani Warees Halal Limited (WHL) dengan JTB Pte Ltd baru-baru ini.

Di bawah perjanjian itu, WHL, yang merupakan sebuah syarikat Majlis Umma Islam Singapura (Muis), akan bekerjasama dengan JTB untuk membantu syarikat memanfaatkan pasaran makanan dan pelancongan halal yang kian berkembang di Jepun serta menyediakan pilihan lebih luas bagi masyarakat Islam.

Menerusi satu kenyataan bersama, WHL dan JTB berkata mereka juga akan bekerjasama menggalak dan menyediakan khidmat pensijilan halal dan khidmat lain yang berkaitan dengannya di Jepun berdasarkan Sistem Pengurusan Mutu dan Piawai Halal Muis Singapura.

Selain menyediakan lebih banyak pilihan makanan dan pelancongan bagi pelancong Muslim ke Jepun, kerjasama itu juga bertujuan membantu mengembang dan membangunkan industri makanan dan pelancongan halal di Jepun serta mewujudkan peluang bagi syarikat Singapura dan Jepun mengeksport produk halal.

“Warees Halal menganggap Jepun sebagai antara pasaran berpotensi dengan jumlah pelancong dari Asia dan Timur Tengah, khususnya pelancong Muslim, bertumbuh dengan pesat. Dengan latar belakang kita yang berbilang budaya di Singapura, pengalaman dan kepakaran kami menjadikan kami rakan kerja yang ideal untuk bekerjasama dengan JTB di Jepun.”

– Pengerusi WHL, Encik Sallim Abdul Kadir.

Perjanjian itu ditandatangani Pengerusi WHL, Encik Sallim Abdul Kadir, serta Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) JTB Asia Pasifik, Encik Toru Ikuta, dengan disaksikan CEO WHL, Cik Dewi Hartaty Suratty, serta Pengurus Besar JTB, Encik Naoyoshi Tashiro baru-baru ini.

Encik Sallim berkata pemeteraian perjanjian itu merupakan satu detik penting bagi kedua-dua pertubuhan Singapura dan Jepun itu dalam bidang industri halal.

“Warees Halal menganggap Jepun sebagai antara pasaran berpotensi dengan jumlah pelancong dari Asia dan Timur Tengah, khususnya pelancong Muslim, bertumbuh dengan pesat.

“Dengan latar belakang kita yang

berbilang budaya di Singapura, pengalaman dan kepakaran kami menjadikan kami rakan kerja yang ideal untuk bekerjasama dengan JTB di Jepun,” katanya.

Mengulas tentang kerjasama itu, Encik Ikuta berkata Jepun terkenal bagi layanan baik yang diberi kepada tetamu dan oleh itu, JTB sebagai agensi pelancongan dan wakil Jepun bertanggungjawab memastikan pelancong ke Jepun mendapat layanan terbaik.

“*Omotenashi*, iaitu jenama layanan baik Jepun yang terkenal, sentiasa menjadi nadi industri pelancongan Jepun.

“Antara cara terbaik untuk memastikan pengunjung merasa dirinya disambut mesra ialah dengan memastikan perutnya tidak pernah kosong.

“Oleh itu, kita perlu memberi mereka pelbagai pilihan selain memastikan makanan dan minuman yang mereka ambil itu mempunyai status halal,” katanya.

Menurut Pengarah Pembangunan Perniagaan Persatuan Dagangan Luar Jepun (Jetro) Singapura, Encik Dai Ito, pula warga Jepun semakin sedar tentang isu halal namun ini tidak bermakna mereka memahami ertinya sepenuhnya.

“Dengan itu, kami yakin kerjasama antara Warees Halal dengan JTB ini dapat memacu gerakan ini dan Jetro juga ingin memahami tentang halal dengan lebih dekat,” ujarnya.

Antara syarikat setempat yang menyertai acara Taste of Singapore Food Pop-Up di pusat beli-belah Olinas Mall di Tokyo, Jepun, baru-baru ini ialah syarikat pengeluar sate Singapura, Jumain Sataysfaction Pte Ltd.

Menurut Pengarah Urusan Jumain Sataysfaction, Cik Samsiah Suliman, syarikat itu menghasilkan sate yang serupa dengan sajian yakitori (daging yang dicucuk lidi) di Jepun.

Usaha mempromosi produk mereka di Jepun mendapat sambutan baik daripada penduduk tempatan.

“Kami melihat ada potensi memperkenalkan produk kami di Jepun dan kami yakin produk kami juga akan menarik warga setempat dan pelancong Muslim di Jepun,” ujarnya.